

10 JAN 2002

Koizumi-Malaysia/I

JEPUN LAKSANAKAN PEMBAHARUAN STRUKTUR EKONOMI DENGAN PENUH KESUNGGUHAN

PUTRAJAYA, 10 Jan (Bernama) -- Jepun sedang melaksanakan pembaharuan struktur ekonominya dengan penuh kesungguhan, kata Perdana Menteri Junichiro Koizumi, malam ini.

"Adalah penting mengukuhkan semula ekonomi Jepun bukan sahaja untuk Jepun malah untuk negara-negara Asia Tenggara serta seluruh dunia," katanya pada jamuan malam bagi meraikan lawatan beliau ke Malaysia di kediaman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Koizumi tiba hari ini untuk lawatan sehari. Malaysia adalah negara kedua yang dikunjungi Koizumi dalam lawatan beliau ke lima negara Asia Tenggara iaitu Filipina, Malaysia, Thailand, Indonesia dan Singapura.

Koizumi berkata semasa beliau menemui Dr Mahathir buat pertama kalinya di Tokyo pada Jun lepas, Perdana Menteri Malaysia itu telah menyatakan sokongan kuat kepadanya untuk menyelesaikan masalah yang ada.

"Kini saya mengingati kembali bagaimana kata-kata Tuan Yang Terutama (Dr Mahathir) memberi semangat kepada saya," kata beliau.

Koizumi berkata beliau juga hari ini menemui rakyat Malaysia yang telah mengikuti pengajian di Jepun di bawah dasar Pandang Ke Timur dan program-program lain dan "mereka semua menyatakan harapan mereka mengenai hubungan masa depan antara kedua-dua negara."

Beliau berkata hubungan dua hala sejak abad ke-21 akan dibina berdasarkan hubungan antara hati ke hati di kalangan generasi muda kedua-dua negara.

Perdana Menteri Jepun itu berkata pertukaran antara Malaysia dan Jepun akan diteruskan dalam pelbagai bentuk.

"Saya akan berusaha menggalakkan lagi pertukaran ini dengan mengambil kira banyaknya pertukaran yang diadakan sejak sekian lama serta potensinya untuk terus dibangunkan. Saya percaya hubungan antara Jepun dan Malaysia akan mempunyai masa depan yang cerah," katanya.

Beliau berkata pertemuan dengan Dr Mahathir hari ini juga akan dikenang sebagai landasan penting dalam pemupukan hubungan antara kedua-dua negara.

-- BERNAMA

SR HK NAK